

PM sahkan ada rundingan bawa pulang Jho Low

Anwar enggan dedah sama ada China antara negara terbabit dalam rundingan

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengesahkan kerajaan sedang berunding dengan beberapa negara bagi membawa pulang ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho yang lebih dikenali sebagai Jho Low.

Perdana Menteri berkata, kerajaan berpendirian akan tetap membawa pulang Jho Low yang terbabit dalam skandal 1Malaysia Development Bhd (1MDB) secepat mungkin walaupun proses berkenaan rumit.

Tanpa menyatakan negara terbabit, beliau berkata, memang ada perundingan secara diplomatik berhubung perkara itu dijalankan dan negara terbabit memberikan kerjasama.

“Sudah tentu (ingin bawa pulang secepat mungkin). Ia me-

rupakan pendirian (kerajaan) dan kita amat tegas sejak hari pertama lagi,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan ibu pejabat Persatuan Bulan Sabit Merah sempena sambutan ulang tahun ke-75 persatuan itu, di sini, semalam.

Anwar mengulas laporan yang mendakwa Malaysia dipercayai sedang berunding dengan China bagi mengekstradisi Jho Low.

Pengarang bersama buku *Billion Dollar Whale* mengenai 1MDB, Bradley Hope yang memetik sumber, mendakwa rancangan itu sedang dibincangkan kerajaan berikutan lawatan Anwar ke China, bulan lalu.

Anwar bagaimanapun enggan mendedahkan sama ada China adalah antara negara yang terbabit dalam rundingan berkenaan.

“Namun, kita tidak pernah mendedahkan ia dengan negara mana. Kita tahu kedudukan di mana dia (Jho Low) berada, dan

kita berunding bagi mempercepatkan proses,” katanya.

Perdana Menteri juga enggan menghuraikan butiran rundingan terbabit.

“Kami tidak pernah mengesahkan negara (tempat Jho Low dipercayai bersembunyi).

“Rundingan mengenai perkara itu sedang dibuat dengan negara terbabit melalui saluran diplomatik yang betul.

“Ini kerana rundingan sebegini membabitkan banyak negara, perkhidmatan perisikan, INTERPOL (Polis Antara-

bangsa) dan lain-lain,” katanya..

Sebelum ini, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Natusion Ismail mengesahkan notis merah yang dikeluarkan oleh INTERPOL terhadap Jho Low masih aktif.

Notis berkenaan turut menyenaraikan lima individu lain yang terbabit dalam skandal 1MDB, antaranya Terence Geh Choh Heng, Casey Tang Keng Chee, Jasmine Loo, Eric Tan Kim Loong dan Nik Faisal Ariff Kamil.



Low Taek Jho